

DAPSONE TABLET

Dapsone (100mg)

Apakah Yang Ada Pada Risalah Ini

1. Apakah kegunaan Dapsone Tablet
2. Bagaimana Dapsone Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Dapsone Tablet
4. Cara menggunakan Dapsone Tablet
5. Semasa menggunakan Dapsone Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dapsone Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dapsone Tablet Ia digunakan untuk:

- semua jenis penyakit kusta (terutama sekali *lepromatous* dan *tuberculoid leprosy*)
- masalah kulit (*dermatitis herpetiformis* dan penyakit kulit lain)
- pencegahan malaria
- *mycetoma* (radang tisu yang disebabkan oleh jangkitan kulat atau bakteria tertentu).

Bagaimana Dapsone Tablet berfungsi

Dapsone Tablet tergolong dalam kumpulan ubat yang dipanggil antibakteria. Ia berfungsi dengan menghentikan pengeluaran asid folik dalam bakteria tertentu, oleh itu menghalangnya daripada berkembang.

Sebelum mengambil Dapsone Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Dapsone Tablet jika:

- anda alah (sangat sensitif) kepada dapsone, bahan-bahan lain dalam tablet, atau samaada ubat-ubatan seperti *sulphonamide* atau *sulphone*. Tindakbalas alergi boleh berlaku seperti ruam, gatal-gatal, kesukaran bernafas atau

bengkak muka, bibir, tekak atau lidah.

- mengalami *anemia* (kekurangan sel darah merah atau hemoglobin dalam darah) teruk.
- mempunyai *porphyria* (genetik atau faktor keturunan kekurangan pigmen darah merah atau hemoglobin).
- mengalami kekurangan glucose 6-phosphate dehydrogenase yang teruk (G6PD), ini boleh menyebabkan anaemia selepas makan makanan tertentu seperti kacang fava (*favism*).

Jangan ambil Dapsone Tablet jika anda mengalami masalah diatas. Jika anda tidak pasti, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Dapsone Tablet.

-Sebelum mula mengambil

Beritahu doktor sebelum anda mengambil Dapsone Tablet jika anda mengalami keadaan berikut:

- penyakit jantung atau paru-paru
- hamil atau menyusukan bayi
- tidak bertoleransi terhadap gula

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil sebarang ubat lain termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, kedai ubat atau mana-mana sumber lain.

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil yang berikut: -

- *probenecid* (untuk merawat gout)
- *rifampicin* atau *trimethoprim* (antibiotic untuk merawat jangkitan)
- vaksin tifoid oral.
- *saquinavir* (untuk mencegah HIV/AIDS)
- *chloroquine* atau *primaquine* (untuk merawat malaria).

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil apa-apa ubat-ubatan.

Cara menggunakan Dapsone Tablet

-Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Tablet harus ditelan keseluruhan dengan segelas air.

Dos yang biasa ialah:

Dewasa dan kanak-kanak 12 tahun keatas:

Kusta:

50 hingga 100mg sekali sehari

Dermatitis herpetiformis suppressant:

Bermula dengan 50mg sekali sehari, ditingkatkan secara beransur-ansur kepada 300mg setiap hari dan kemudian dikurangkan kepada dos minimum yang berkesan.

Dermatosis, subcorneal pustular:

Bermula dengan 100mg sekali sehari, ditingkatkan secara beransur-ansur sebanyak 50mg setiap satu atau dua minggu sehingga beransur pulih dan kemudian dikurangkan kepada dos minimum yang berkesan.

Granuloma annulare:

100mg sekali sehari.

Actinomycotic mycetoma:

100mg dua kali sehari selama beberapa bulan selepas simptom telah hilang.

Malaria prophylaxis:

100mg sekali setiap tujuh hari dengan pyrimethamine 12.5mg.

Had ditetapkan dewasa:

Kusta:

50 hingga 100mg sekali sehari.

Dermatitis herpetiformis suppressant:

300mg sekali sehari.

Kanak-kanak:

Kusta:

1.4mg daripada Dapsone Tablet per kg berat badan sekali sehari.

Dermatitis herpetiformis suppressant:

Pada mulanya 2mg per kg berat badan setiap hari secara beransur-ansur meningkat dan kemudian dikurangkan kepada dos paling rendah yang berkesan.

-Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

-Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan Dapsone Tablet untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

-Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital terdekat jika anda ataupun orang lain mengambil dos yang berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa.

Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Gejala daripada terlebih dos Dapsone Tablet termasuk *hypoxia* (kurang oksigen di dalam tisu badan), *methaemoglobinaemia* dan anemia hemolitik (pecahan sel darah merah yang tidak normal).

Semasa menggunakan Dapsone Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

Sekiranya memerlukan rawatan lain, sila maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Dapsone Tablet.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Dapsone Tablet dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Hamil dan menyusukan bayi
Jika anda hamil atau merancang untuk hamil, doktor anda boleh menetapkan anda makanan tambahan asid folik 5mg sehari. Dapsone Tablet boleh hadir dalam susu ibu. Terdapat laporan anemia (kekurangan sel darah merah atau hemoglobin dalam darah) pada bayi yang disusui oleh seorang ibu yang mengambil Dapsone Tablet.

Jika anda bimbang, periksa dengan doktor atau ahli farmasi anda. Tanya doktor atau ahli farmasi anda untuk mendapatkan nasihat sebelum mengambil sebarang ubat-ubatan.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Isoniazid Tablet boleh menyebabkan kesan sampingan walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengalami sebarang

kesan berikut atau apa-apa kesan yang tidak disenaraikan.

Beritahu doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan berikut selepas mengambil ubat ini.

- Haemolisis (sel darah pecah), anemia hemolitik dan agranulocytosis (pengurangan sel darah putih).
- Tachycardia (denyutan jantung yang cepat).
- Pening dan muntah.
- Jaundis dan hepatitis.
- Hypoalbuminaemia (tahap albumin yang rendah dalam darah).
- Sakit kepala dan neuropati perifer (kerosakan pada sistem saraf diluar otak dan saraf tunjang).
- Insomnia dan psikosis.
- Kulit ruam, gatal, sindrom Steven-Johnson, dermatitis eksfoliatif dan letusan ubat tetap.
- Simptom nefrotik dan kerosakan buah pinggang *necrosis papillary*.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

Cara penyimpanan dan pelupusan Dapsone Tablet

-Penyimpanan

Simpan semua ubat daripada penglihatan dan jangkauan kanak-kanak.

Simpan dibawah suhu 30°C di tempat yang kering. Lindungi daripada cahaya.

Jangan gunakan Dapsone Tablet selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada label / kotak. Tarikh luput merujuk kepada hari terakhir bulan tersebut.

-Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Putih, bulat, tablet biconvex dengan garis putus pada satu sisi dan kosong disisi yang lain.

-Bahan bahan kandungan

-Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi Dapsone 100mg.

-Bahan tidak aktif:

Microcrystalline cellulose 101, kanji jagung, natrium lauril sulfat, *croscarmellose sodium*, aerosil 200, magnesium stearate dan air yang ditapis.

-Nombor MAL

MAL 19961321AZ

Pengilang

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

Pharmaniaga Manufacturing Berhad (198001006232),
11A, Jalan P/1, Kawasan Perusahaan Bangi, 43650, Bandar Baru Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

26/07/2021

Nombor Siri

NPRA (R4/1)221018/00288